



## Daripada menukar bos hingga menukar kehidupan

RCCA Donny Chong

(Bekas Pemilik Restoran)

“



Rata-rata seseorang akan bertukar pekerjaan 5-7 kali sepanjang hayat kerjanya, menurut statistik perubahan kerjaya. Namun, pada usia 27 tahun, RCCA Donny Chong telah bertukar pekerjaan 23 kali. “Anda boleh mengatakan bahawa ‘hobi’ terbesar saya ketika itu adalah menukar bos!”

Donny akhirnya menjadi bosnya sendiri apabila terlibat dalam kerjaya MLM.

### Pekerja dan majikan. Pernah mengalaminya sendiri

Donny mula bekerja sebaik sahaja menamatkan Tingkatan 5. “Saya sangat percaya bahawa ‘ketekunan tidak akan mengkhianati anda’. Yang perlu saya lakukan hanyalah bekerja keras,” katanya.

Donny merebut pekerjaan yang tidak memerlukan sijil dan melakukan banyak pekerjaan, termasuk kerja kolar biru. Setiap kali mendapat tawaran yang lebih baik, beliau akan menukar pekerjaan. Pada usia 27 tahun, beliau sudah mulai lelah dan memutuskan untuk memulakan perniagaannya sendiri, yang beliau usahakan sebanyak 3 kali.





Perniagaan pertamanya gagal, tetapi perniagaan kedua agak berjaya. "Ia sebuah kedai aksesori di pusat bandar KL. Perniagaan amat baik tetapi saya terpaksa menutupnya pada tahun kedua ketika tuan tanah mengambil balik lot kedai tersebut. Perniagaan ketiga saya ialah sebuah restoran. Selama dua tahun, saya berada di restoran dari pukul 8 pagi hingga 12 pagi. Tiada cuti, tiada masa bersuka ria," imbasnya.

Kemudian, Donny diperkenalkan kepada MLM dan belajar mengenai kuasa duplikasi yang luar biasa. "Pelanggan restoran saya kebanyakannya dari kawasan kejiraninan, tetapi perniagaan MLM membolehkan saya menjangkau jauh," katanya.

## Tiada halangan yang terlalu besar

Seperti kebanyakan orang, halangan utama yang dihadapi oleh Donny pada awalnya ialah lingkaran sosialnya yang kecil dan kekurangan hubungan. "Saya seorang diri yang mengusahakan perniagaan restoran saya dan lingkaran sosial saya terdiri daripada pekerja asing dan pembekal. Tetapi mengapa saya harus dihambat oleh lingkaran sosial kecil saya? Mengapa 'memilih' untuk mencari prospek? Dengan produk dan peluang yang baik seperti BE, saya boleh berkongsi dengan sesiapa sahaja. Sesiapa sahaja boleh menjadi prospek saya. Saya hanya perlu berkongsi dengan mereka dan membiarkan mereka membuat keputusan untuk merebut peluang itu atau tidak," katanya.

Dengan falsafah ini, Donny mendapati bahawa tidak ada halangan yang terlalu besar untuk diatasi. "Hadapi rintangan anda dan ambil tindakan. Kemudian, kejayaan akan menerpa. **Tidak ada tindakan, tidak ada kejayaan,**" katanya.



## Akhirnya, platform untuk berjaya

Setelah berada di industri MLM selama lebih dari 10 tahun, Donny mengembangkan pendapatnya sendiri mengenai kejayaan. "Kejayaan sebenar adalah tentang keupayaan untuk menggandakan kejayaan - membantu orang lain untuk berjaya. Seorang doktor atau peguam mungkin sangat berjaya. Seseorang mungkin sangat kaya. Tetapi sukar bagi mereka untuk menolong orang lain menjadi profesional atau kaya seperti diri mereka. MLM berbeza kerana ia berkaitan dengan duplikasi."

**"Yang anda perlukan hanyalah peluang yang tepat untuk memperbaiki kehidupan anda. Tiada orang lain yang dapat melakukannya untuk anda melainkan diri anda. Anda hanya perlu mencuba,"** Donny meneruskan perkongsian. "Sama seperti kisah kejayaan Li Ka-shing yang hebat, yang mengajar kita untuk merebut peluang yang tepat, anda juga dapat mengubah kehidupan anda sendiri."